

15/06/1998

Gawat: Dr M arah penjelasan agresif

KUALA LUMPUR, Ahad - Sebarang kenyataan agresif berhubung kegawatan ekonomi di Malaysia tidak menambah atau mengurangkan tekanan daripada kuasa pasaran.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keadaan hari ini membuktikan bahawa ada negara yang tidak mengeluarkan kenyataan agresif, tetapi turut menjadi mangsa kuasa pasaran.

Justeru, beliau mengarahkan semua parti komponen Barisan Nasional (BN) mengadakan penjelasan lebih agresif kepada ahli masing-masing mengenai kegawatan ekonomi yang dijangka semakin buruk disebabkan faktor luaran.

"Ada pemimpin BN berpendapat kita harus mengambil sikap yang lebih 'halus' atau tidak begitu agresif.

"Tetapi kita terangkan bahawa yang tidak agresif pun kena hentam juga. Jadi dengan cara itu, agresif atau tidak agresif kini tidak lagi menjadi masalah," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi BN, di sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Mohamed Rahmat; naib-naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta pemimpin 14 parti komponen BN.

Kegawatan ekonomi dijangka semakin perit, terutama apabila kedudukan ekonomi Jepun turut terjejas dengan mencatat kemelesetan buat kali pertama dalam tempoh 23 tahun, sekali gus mengancam meledakkan semula krisis ekonomi Asia.

"Pada masa ini kita hendak BN betul-betul merapatkan barisan dan sama-sama kita jelaskan kepada rakyat apa yang sedang berlaku supaya tidak ada kegawatan berlaku di kalangan rakyat," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata, ada juga pemimpin parti komponen yang takut mengeluarkan sesuatu kenyataan kerana bimbang jika kenyataan itu tidak disukai kuasa pasaran, maka ekonomi negara akan ditekan menerusi penurunan nilai mata wang atau penghijrahan modal ke negara lain.

"Jadi kita bincang bagaimana ketakutan itu boleh dikurangkan," katanya tanpa menjelaskannya dengan lebih lanjut.

Ditanya apakah cara terbaik bagi pemimpin BN menjelaskan kedudukan sebenar kepada ahli masing-masing, Dr Mahathir berkata mereka sudah berbincang mengenai perkara itu dan terserah kepada pemimpin terbabit untuk memberi penerangan.

Mengenai kadar faedah pinjaman yang harus dipatuhi institusi kewangan, Perdana Menteri berkata kerajaan sedang mengkaji satu formula baru bagi menetapkan kadar sesuai dan ia perlu dilaksanakan dengan berhati-hati kerana ia adalah isu sensitif.

"Kami sedang mengkaji formulanya, saya fikir kami mempunyai idea bagaimana untuk melakukannya. Buat masa ini kita terpaksa memikir dengan teliti kerana perkara ini sungguh sensitif dan kita perlu mengendalikannya dengan berhati-hati," katanya

Dr Mahathir berkata, satu daripada masalah yang dihadapi ialah kadang kala kadar faedah atas pinjaman ringgit adalah lebih tinggi di negara lain (berbanding kadar faedah negara ini).

"Apabila ia lebih tinggi di negara lain, ringgit akan cenderung mengalir ke negara lain disebabkan kelebihan kadar deposit yang tinggi di negara terbabit.

"Berikutan itu, kami perlu berhati-hati mengenai bagaimana cara paling

berkesan untuk menurunkan kadar faedah," katanya.

Semalam beliau berkata, dalam keadaan ekonomi sekarang, Kabinet berpendapat adalah lebih baik jika kadar asas pinjaman (BLR) dan julat (margin peratus keuntungan bank) lebih kecil.

Anwar turut memberi penjelasan bahawa beberapa bank sudah menurunkan kadar faedah masing-masing, dan apa yang perlu ialah satu garis panduan yang lebih jelas mengenai cara untuk mengawal BLR.

(END)